

PM: Valuecap jaga kepentingan pelaburan kerajaan

UM 18 JAN 2005

CYBERJAYA 17 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, penubuhan Valuecap Sdn. Bhd. bukan bertujuan menyelamatkan mana-mana syarikat sebaliknya berperanan menjaga kepentingan pelaburan kerajaan.

Dr. Mahathir berkata, Valuecap berhak membuat pelaburan melalui caranya sendiri sebagaimana syarikat lain kerana ia diuruskan mengikut saluran undang-undang dan peraturan pasaran.

“Sebagai sebuah syarikat yang dibiayai oleh agensi kerajaan, Valuecap mempunyai kepentingan asasnya untuk melindungi pelaburan yang dibuat oleh kerajaan.

“Jika pihak tertentu cuba menjatuhkan harga saham maka Valuecap berhak untuk membeli saham berkenaan.

“Tetapi Valuecap bukan untuk menyelamatkan sesiapa,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan program Fast Track makmal penyelidikan dan pembangunan (R&D) InventQJaya di sini, hari ini.